



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**POLITEKNIK**  
**Jabatan Pengajian Politeknik**

**GARIS PANDUAN  
PINDAHAN KREDIT  
&  
PENGECUALIAN KURSUS  
PROGRAM PENGAJIAN POLITEKNIK  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**Diluluskan dalam  
Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik Bil. 15/2013  
Pada 20 Mei 2013**

## 1.0 PENDAHULUAN

Pemberian pindahan kredit dan pengecualian kursus merupakan satu pengiktirafan terhadap kelayakan dan pengetahuan sedia ada seseorang pelajar apabila mula mengikuti sesuatu pengajian bagi mendapatkan kelayakan yang lain. Ia merupakan satu dasar yang diamalkan di semua institusi pengajian tinggi (IPT).

Dasar pindahan kredit dan pengecualian kursus adalah satu elemen penting yang menyumbang kepada proses jaminan kualiti sesuatu program pengajian. Sesebuah institusi pengajian tinggi perlu menggubal dasarnya sebagai panduan dalam mengendalikan pindahan kredit dan pengecualian kursus bagi program pengajian yang ditawarkan.

Garis panduan pindahan kredit dan pengecualian kursus ini adalah untuk pelajar yang sedang berada di dalam sistem pengajian politeknik dan juga pelajar dari IPT di luar sistem politeknik.

Dasar dan prosedur yang dinyatakan dalam garis panduan ini tidak merangkumi kelulusan kemasukan kepada program diploma politeknik secara *Point-of-Entry* yang telah dibenarkan oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kemasukan secara *Point-of-Entry* adalah kelulusan khas yang melibatkan kebenaran pindahan kredit bagi lulusan peringkat sijil politeknik dan sijil kolej komuniti ke program diploma politeknik sehingga tahun 2014. Kaedah dan tatacara pelaksanaannya adalah mengikut peraturan-peraturan yang telah dikemukakan oleh Jabatan Pengajian Politeknik kepada semua politeknik.

Garis panduan ini telah disediakan dengan merujuk kepada dasar jaminan kualiti yang ditetapkan oleh pihak MQA bersama Kementerian Pengajian Tinggi kepada pihak pemberi pendidikan tinggi.

## 2.0 NAMA DAN TARIKH BERKUATKUASA

Garis panduan ini dinamakan **Garis Panduan Pindahan Kredit dan Pengecualian Kursus Program Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia**. Garis panduan ini berkuatkuasa mulai Sesi Jun 2013 dan digunakan oleh semua politeknik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

### 3.0 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk:

- 3.1 memberi penjelasan dalam mengendalikan segala urusan berkaitan pindahan kredit dan pengecualian kursus di politeknik.
- 3.2 mewujudkan keseragaman dalam pelaksanaan pindahan kredit dan pengecualian kursus di politeknik.

### 4.0 DEFINISI

#### 4.1 Pindahan Kredit (*Credit Transfer* - CT)

Kredit yang diberi kepada pelajar yang telah mengambil kursus dalam sesuatu program pengajian terdahulu ke program yang sedang diikuti sama ada dalam IPT yang sama atau IPT yang berbeza.

#### 4.2 Pengecualian Kursus (*Course Exemption* - CE)

Kursus yang dikecualikan kepada seseorang pelajar dalam program yang sedang diikuti berdasarkan pengetahuan dan kemahiran dari pengalaman atau pembelajaran terdahulu. Pengecualian kursus tidak membawa sebarang nilai kredit bagi kursus yang dikecualikan.

### 5.0 DASAR PINDAHAN KREDIT

Dasar jaminan kualiti Kementerian Pengajian Tinggi membenarkan pindahan kredit dilakukan dalam dua kategori iaitu;

- i. Mendatar (*Horizontal*) - pemindahan kredit daripada program pengajian di tahap kelayakan yang sama seperti daripada sijil ke sijil, diploma ke diploma dan ijazah sarjana muda ke ijazah sarjana muda.
- ii. Menegak (*Vertical*) - pemindahan kredit daripada program pengajian peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi.

Perincian mengenai dasar pindahan kredit dibahagikan kepada kes-kes yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan mengikut dua kategori tersebut.

5.1 Pindahan kredit adalah dibenarkan bagi kes-kes berikut;

- i) Mendatar (pelajar sedang mengikuti program dalam sistem politeknik)
  - a. Pelajar bertukar program pengajian di politeknik yang sama.
  - b. Pelajar bertukar politeknik dengan mengikuti program yang sama.
  - c. Pelajar bertukar politeknik dengan mengikuti program yang lain.
  
- ii) Mendatar (pelajar sedang mengikuti program di IPT lain)
  - a. Pelajar dari IPT lain menyambung pengajian ke politeknik pada peringkat dan program yang sama.
  - b. Pelajar dari IPT lain menyambung pengajian ke politeknik pada peringkat yang sama tetapi program yang berlainan.
  
- iii) Menegak
  - a. Pelajar lepasan diploma lanjutan politeknik atau IPT lain (yang turut memiliki diploma) yang menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda politeknik. Pindahan kredit dibenarkan sehingga maksimum dua tahun pengajian program yang akan diikuti.
  - b. Pelajar lepasan diploma politeknik atau IPT lain yang menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda politeknik. Had maksimum kredit yang dipindahkan adalah 30% daripada jumlah kredit program yang akan diikuti.

~~5.2~~

Pindahan kredit tidak dibenarkan bagi kes-kes berikut;

- i. Mendatar
  - a. Pelajar yang telah memiliki kelayakan dan ingin melanjutkan pelajaran dalam peringkat yang sama dengan kelayakan yang dimiliki.
  - b.** Pelajar yang diberhentikan dari pengajian di atas sebab kegagalan akademik dan kemudiannya menyambung semula pengajian di dalam program yang lain.
  
- ii) Menegak
  - a. Daripada kelayakan peringkat sijil ke diploma.
  - b. Daripada kelayakan yang lebih tinggi ke program di peringkat yang lebih rendah.

~~5.2~~ Latihan industri tidak dibenarkan untuk dipindah kredit dalam kes Perkara 5.1 iii).

- 5.3 Tiada had pindahan kredit bagi kes dalam Perkara 5.1 i).
- 5.4 Bagi kes Perkara 5.1 ii), pelajar tertakluk kepada syarat umum pindahan kredit dalam Perkara 6.0 dan syarat tempoh permastautin pelajar. Tempoh permastautin bermaksud pelajar perlu mengikuti pengajian di politeknik sekurang-kurangnya selama satu semester bagi program peringkat diploma dan satu tahun bagi program peringkat ijazah sarjana muda.
- ~~5.5~~ Pindahan kredit boleh dipertimbangkan bagi pelajar politeknik yang berhenti dari pengajian bukan atas sebab kegagalan akademik dan kemudiannya menyambung semula pengajian dalam program yang sama atau program yang lain di peringkat yang sama. Tiada had pemindahan kredit dikenakan.
- 5.6 Perkara lain mengenai pindahan kredit dan pengecualian kursus yang tidak dinyatakan secara khusus dalam garis panduan ini perlulah dirujuk kepada dasar jaminan kualiti yang dikeluarkan oleh pihak kementerian dan MQA.

## 6.0 SYARAT UMUM PINDAHAN KREDIT

Pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kandungan antara kursus-kursus yang berkenaan.

Pemetaan kursus tidak perlu dibuat bagi Perkara 5.1 i) a. dan 5.1 i) b.

Pemetaan perlu disediakan sekiranya terdapat kes di bawah Perkara 5.1 i) c. yang melibatkan kursus-kursus yang berlainan kod tetapi mempunyai kandungan yang hampir sama.

Bagi kes-kes di bawah Perkara 5.1 i) c. (kursus-kursus yang berlainan kod tersebut di atas), Perkara 5.1 ii) dan Perkara 5.1 iii), syarat-syarat umum yang berikut perlulah dipatuhi.

- 6.1 Gred lulus minimum kursus terlibat yang boleh dipindah kredit adalah Gred C.
- 6.2 Kesetaraan antara kandungan kursus mestilah tidak kurang daripada 80%.
- 6.3 Kandungan kursus yang dibenarkan untuk disetarakan tidak melebihi 2 kursus jika digabungkan.
- 6.4 Nilai kredit kursus bagi program terdahulu mestilah sekurang-kurangnya sama dengan nilai kredit kursus bagi program yang diikuti.
- 6.5 Kursus yang dipohon untuk dipindahkan kredit mestilah daripada program pengajian yang telah mendapat Perakuan Akreditasi daripada MQA.

## 7.0 KAEDAH PELAKSANAAN PINDAHAN KREDIT

- 7.1 Pelaksanaan pindahan kredit adalah berdasarkan permohonan pelajar dan kelulusan Jawatankuasa Pindahan Kredit dan Pengecualian Kursus.
- 7.2 Bagi kes-kes di bawah Perkara 5.1 i), segala keputusan peperiksaan yang diperolehi dari pengajian terdahulu adalah dikekalkan. Keputusan kursus yang berkenaan digunakan dalam pengiraan PNM dan HPNM.
- 7.3 Bagi kes-kes di bawah Perkara 5.1 ii) dan Perkara 5.1 iii), kaedah berikut perlulah diikuti;
  - i. Keutamaan pindahan kredit diberikan kepada kursus dari tahap rendah terlebih dahulu.
  - ii. Nilai kredit bagi kursus yang diberi pindahan kredit diambil kira bagi memenuhi keperluan jumlah kredit bergraduasi.
- 7.4 Bagi kes-kes di bawah Perkara 5.1 ii), gred yang diperolehi bagi kursus terdahulu diberikan kepada kursus yang diluluskan pindahan kredit. Gred berkenaan kemudiannya digunakan untuk kiraan HPNM dalam pengajian seterusnya pelajar berkenaan.

- 7.5 Bagi kes-kes di bawah Perkara 5.1 iii), gred kursus yang diperolehi daripada kursus terdahulu tidak digunapakai dalam pengiraan PNM dan HPNM.

## 8.0 DASAR PENGECCUALIAN KURSUS

- 8.1 Pengeccualian kursus perlu dilakukan berdasarkan kepada kesetaraan kandungan kursus yang dipohon dengan pembuktian pengetahuan dan kemahiran pelajar.
- 8.2 Pengeccualian kursus tidak menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikeccualikan.
- 8.3 Pelajar perlu mengambil kursus lain bagi menggantikan kursus berkenaan sekiranya pengeccualian tersebut menyebabkan keperluan jumlah kredit bergraduati tidak mencukupi.

## 9.0 PROSEDUR PENGURUSAN

- 9.1 Satu Jawatankuasa Pindahan Kredit dan Pengeccualian Kursus (Jawatankuasa CTCE) di peringkat politeknik perlu ditubuhkan bagi meneliti dan membuat keputusan terhadap permohonan pindahan kredit dan pengeccualian kursus yang dikemukakan oleh pelajar.
- 9.2 Jawatankuasa CTCE adalah dilantik oleh pengarah politeknik yang dianggotai oleh ;
- i. Timbalan Pengarah Akademik - Pengerusi
  - ii. Pegawai Peperiksaan - Setiausaha
  - iii. Ketua-Ketua Jabatan Akademik
  - iv. Ahli-ahli lain yang berkaitan. *Letna Daryun / Pany (MSU, C D) R. A.*
- 9.3 Pelajar perlu mengemukakan permohonan pindahan kredit dan pengeccualian kursus kepada Jawatankuasa CTCE melalui Penasihat Akademik. Pindahan kredit hanya boleh dilakukan sekali sahaja disepanjang pengajian di politeknik.

- 9.4 Pelajar yang memohon pengecualian kursus mesti membuktikan tahap pengetahuan mencapai sekurang-kurangnya 80% daripada keperluan kursus. (Jawatankuasa CTCE berhak mengadakan ujian atau temuduga untuk menentukan samada pelajar layak diberikan pengecualian kursus.)
- 9.5 Permohonan hendaklah dilakukan dalam tempoh tiga minggu pertama perkuliahan.
- 9.6 Keputusan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa CTCE adalah muktamad.
- (9.7) Keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa CTCE bagi lulusan IPT di luar sistem politeknik dalam kes-kes di bawah Perkara 5.1 iii) perlu dimajukan ke Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, Jabatan Pengajian Politeknik untuk tujuan penyelarasan.
- 9.8 [Keputusan permohonan pindahan kredit dan pengecualian kursus mesti dimaklumkan kepada pelajar selewat-lewatnya pada minggu keenam perkuliahan sesi pengajian.]

Jabatan Pengajian Politeknik  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Mei 2013